

## PBA Holdings jangka prospek tidak pasti sementara kelulusan kajian semula tarif air

22/06/2021 06:46 PM



GEORGE TOWN, 22 Jun -- PBA Holdings Bhd menjangka ketidakpastian dalam prospeknya akan terus meningkat seiring pertambahan penduduk, sementara menunggu kelulusan kerajaan Persekutuan terhadap kajian semula tarif air bagi penggunaan domestik bersubsidi tinggi.

Pengerusinya Chow Kon Yeow berkata PBA Holdings yang memperoleh hasil operasi daripada jualan air terawat di Pulau Pinang oleh anak syarikatnya Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), sedang menunggu kelulusan permohonan kajian semula tarif air 2019 yang dikemukakan PBAPP kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

“PBAPP bukan satu-satunya operator air di Malaysia yang terpaksa mengemukakan cadangan kajian semula tarif air kepada SPAN baru-baru ini memandangkan SPAN telah mengadakan langkah perundingan awam bagi cadangan kajian semula tarif air yang lain di Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Labuan, Kedah, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor untuk tempoh 2019 hingga 2021.

“Objektif utama permohonan kajian semula tarif PBAPP adalah bagi mendapatkan dana yang mencukupi ke atas projek bekalan air yang dicadangkan untuk mengurangkan risiko air mentah Pulau Pinang dan menangani permintaan terhadap air pada masa akan datang,” katanya dalam kenyataan selepas mesyuarat agung tahunan PBA ke-21, secara maya hari ini.

Chow berkata dalam struktur sedia ada tarif air Pulau Pinang, tarif domestik adalah jauh lebih rendah berbanding tarif perdagangan, yang mana pengguna domestik di negeri itu membayar purata 32 sen bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter sebulan, manakala pengguna perdagangan dikenakan purata RM1.36 bagi setiap 1,000 liter untuk 500,000 liter sebulan.

Beliau berkata PBAPP terpaksa membayar lebih sedikit untuk penggunaan air yang lebih tinggi di Pulau Pinang pada 2020. Justeru, keuntungan bersih PBA Holdings jatuh kepada RM24.76 juta pada 2020 daripada RM25.15 juta pada 2019.

“Subsidi air domestik PBAPP untuk mengekalkan tarif air domestik yang rendah berjumlah RM95.35 juta pada 2020, manakala keuntungan bersih PBA Holdings adalah RM24.76 juta. “Bagaimanapun, PBA Holdings mencatatkan prestasi kewangan yang patut dipuji pada 2020 dan terus memberikan ganjaran kepada pemegang sahamnya dengan mengumumkan dividen akhir satu peringkat sebanyak satu sen sesaham bagi tahun kewangan 2020,” katanya.

“Sebagai tapak rizab biosfera yang pertama di Malaysia, pengurusan Tasik Chini menjadi kayu pengukur kepada pengurusan semua khazanah alam semula jadi negara,” katanya.

Penyertaan Malaysia dalam program MAB, UNESCO bermula pada 2009 menerusi pengiktirafan Tasik Chini pada 26 Mei 2009 dengan keluasan 6,922.97 hektar. Inisiatif itu melibatkan program saintifik antara kerajaan bagi memperbaiki hubungan antara manusia dengan alam sekitar, dengan memberi penekanan kepada keperluan pembangunan dan penjagaan alam sekitar.